

17 NOV 1998

APEC-BERITA-NZ

ANWAR AKAN DIBICARAKAN DENGAN ADIL, KATA PM NZ

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri New Zealand Jenny Shipley berkata beliau diberi jaminan bahawa bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan diberi perbicaraan yang adil.

"Jelas terdapat komitmen yang penuh daripada pendapat mereka (Malaysia) bahawa Anwar akan mendapat perbicaraan yang adil," katanya.

Shipley berkata demikian kepada pemberita selepas pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Anwar, yang dipecat sebagai timbalan perdana menteri dan menteri kewangan pada 2 Sept, sedang dibicarakan di atas empat tuduhan rasuah.

-- BERNAMA

RIZ FR WAT